186

SOALAN NO: 268

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**BERTULIS**
DARIPADA	:	**YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID**
KAWASAN	:	**KUALA KANGSAR**

SOALAN:

YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian sudah mengkaji jalan susur tol di Perhentian Menora-Kuala Kangsar di Lebuh Raya PLUS yang pernah dipohon 3 tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Utara Selatan telah dibina dengan sistem jaringan laluan selari dengan Jalan Persekutuan dimana persimpangan bertingkat telah dikenalpasti di lokasi strategik dan telah dilaksanakan mengikut obligasi yang disyaratkan dalam Perjanjian Konsesi. Cadangan penyediaan jalan susur tol di Perhentian Menora – Kuala Kangsar adalah tiada di dalam skop Perjanjian Konsesi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa peka dengan keadaan trafik di sepanjang Lebuhraya Utara – Selatan termasuk di kawasan yang dibangkitkan. Di dalam pemantauan pihak Kerajaan, terdapat keperluan untuk menaiktaraf persimpangan bertingkat Kuala Kangsar sebagai laluan keluar terhampir dengan lokasi yang dipohon. Kerja-kerja menaiktaraf daripada persimpangan bertingkat jenis "half diamond" kepada persimpangan bertingkat jenis "trumpet" ini telah siap dilaksanakan pada Disember 2014 dengan kos dibiayai oleh syarikat konsesi PLUS Berhad.

Sekian, terima kasih.